



PROSEDUR PEMFAILAN KES TRIBUNAL HAKCIPTA SECARA MANUAL

A. PROSEDUR PEMFAILAN

Pemohon hendaklah menyediakan dokumen berikut untuk pemfailan:

A1. BORANG CT-1

1. Borang CT-1 (*Proceedings Not Requiring Special Leave Of The Tribunal Or Proceeding Where Special Leave Of The Tribunal Has Been Granted*)
 - a. Borang CT-1
 - Borang CT-1 yang telah lengkap diisi hendaklah ditandatangani.
 - Pemohon boleh mengemukakan lampiran berkaitan bersama-sama borang CT-1
 - Disediakan di dalam enam (6) salinan asal.
 - b. Bayaran Fi
 - Jadual Fi bagi setiap permohonan atau rujukan seperti dibawah

No.	Permohonan/Rujukan	Harga (RM)
1.	Permohonan di bawah seksyen 16B	100
2.	Rujukan di bawah seksyen 27B, 27C, 27D, 27I atau 27J	300
3.	Permohonan di bawah seksyen 27E, 27F atau 27K	300
4.	Permohonan untuk lesen di bawah seksyen 31	300

2. Borang Permohonan dan Rujukan yang lengkap dan teratur akan dicatat dalam Daftar Tribunal, ditandatangani dan dimeterai oleh Setiausaha Tribunal.
3. Dua (2) salinan borang yang dimeterai (sealed copy) akan dikembalikan kepada pemohon **melalui email pemohon beserta tarikh pengurusan kes** untuk disampaikan kepada penentang.

B. PROSEDUR PENYAMPAIAN

B1. PEMOHON

4. Pemohon perlu **menyampaikan satu (1) salinan borang yang dimeterai tersebut** kepada penentang dan memaklumkan kepada Setiausaha Tribunal secara bertulis melalui email copyrightribunal@myipo.gov.my tentang tarikh penyampaian itu kepada penentang dalam tempoh empat belas hari (14) selepas dari **tarikh pelaksanaan penyampaian** tersebut tertakluk kepada peraturan (5) Peraturan-Peraturan Hakcipta (Tribunal Hakcipta) 2012.

B2. PENENTANG

5. Penentang selepas menerima borang yang dimeterai oleh Pemohon hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari (30) selepas menerima borang tersebut, memfailkan di Tribunal empat (4) salinan pembelaannya dalam **Borang CTD** bersama dengan fi yang ditetapkan.
6. Penentang hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha secara bertulis tentang tarikh penyampaian kepada Pemohon dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pelaksanaan penyampaian itu melalui email copyrightribunal@myipo.gov.my.
7. Jika penentang tidak berhasrat atau tidak memfailkan borang CTD beliau dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima borang yang dimeterai oleh Pemohon, Setiausaha Tribunal boleh menetapkan tarikh pendengaran dihadapan Tribunal.

A2. BORANG CTD (*Defence*)

- a. Borang CTD
 - Borang CTD yang telah lengkap diisi hendaklah ditandatangani.
 - Penentang boleh mengemukakan lampiran berkaitan bersama-sama borang CTD.
 - Disediakan di dalam empat (4) salinan asal.
- b. Bayaran Fi
 - Fi bagi Borang CTD adalah sebanyak RM20.
8. Sebarang pertanyaan boleh emel ke copyrightribunal@myipo.gov.my atau diajukan kepada Encik Syaufiq (03-2299 8921).